

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, August 28, 2019 9:11 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sekolah Kolaborasi Universiti Tumpu Prestasi Akademik Dan Pembangunan Infrastruktur



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 OGOS 2019 / 27 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SEKOLAH KOLABORASI UNIVERSITI TUMPU PRESTASI AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR



UUM ONLINE: Alor Setar - Selaras dengan hasrat Menteri Pendidikan menjadikan sekolah untuk komuniti dan universiti untuk masyarakat, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melancarkan program Sekolah Kolaborasi Universiti di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Pinang, Kepala Batas, semalam.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, program anjuran kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) itu akan menfokuskan kepada peningkatan prestasi akademik pelajar di sekolah terpilih iaitu SK Bukit Pinang, khususnya yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi.

Menurutnya, beliau tidak mahu program tersebut menjadi program '*one-off*' sahaja, sebaliknya sentiasa ada peningkatan kemajuan dari semasa ke semasa terutamanya melibatkan prestasi akademik pelajar.

Katanya, untuk berjaya memerlukan pengorbanan dan disiplin yang tinggi serta semangat untuk belajar, malah ibu bapa juga harus memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan anak-anak mereka.

"Ibu bapa menjadi tulang belakang di atas peningkatan prestasi akademik anak-anak ini dan mereka tidak boleh melepaskan sepenuhnya tanggungjawab kepada pihak sekolah atau guru sahaja.

"Selain itu, saya minta guru-guru di sekolah ini untuk sama-sama membantu pengurusan sekolah kerana dengan iltizam dan semangat yang tinggi, SK Bukit Pinang pasti boleh mencapai kejayaan yang diinginkan," katanya pada Majlis Pemasyhuran Sekolah Kolaborasi Universiti dan Perjumpaan Waris Tahun 6 UPSR.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir berkata, UUM juga sedia membantu pihak sekolah dalam menyediakan bantuan pengajaran kepada pelajar di SK Bukit Pinang terutama dalam subjek Matematik dan Bahasa Inggeris.

Menurutnya, dengan kekerapan latihan intensif yang dilakukan pasti akan membantu pelajar Tahun Enam di sini untuk memperoleh pencapaian cemerlang dalam UPSR.

Katanya, beliau mensasarkan SK Bukit Pinang akan menjadi sekolah gred A pada dua tahun akan datang seiring dengan peningkatan prestasi akademik pelajar dalam UPSR.

"Untuk berjaya, hati dan niat perlu sentiasa bersih dan UUM akan sentiasa prihatin serta membantu pihak sekolah, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga infrastruktur.

"Kita ingin memastikan pencapaian prestasi pelajar terus meningkat selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat kualiti pendidikan negara berada di tahap tinggi, justeru prasarana dan infrastruktur sekolah juga perlu dititikberatkan," katanya yang turut menyampaikan sumbangan kepada dua pelajar kembar Tahun Tiga yang merupakan anak yatim dari SK Terap, Kulim iaitu Muhamad Farhan Alif dan Muhamad Farhan Akif Abu Hasan.

Sementara itu, Guru Besar SK Bukit Pinang, Hashim Ibrahim berkata, beliau berterima kasih kerana sekolah tersebut dipilih untuk program Sekolah Kolaborasi Universiti itu.

Menurutnya, walaupun prasarana sekolah dalam keadaan daif tetapi sebagai sebuah sekolah yang mempunyai potensi untuk maju pada masa hadapan, mereka tetap dipilih oleh KPM dan UUM sendiri untuk terlibat dalam program berkenaan.

Katanya, kerjasama kedua pihak itu akan menfokuskan kepada peningkatan Prestasi akademik dan bantuan baik pulih infrastruktur.

Di bawah program Sekolah Kolaborasi Universiti ini, sebanyak 20 universiti awam dan 38 buah sekolah terlibat. Sebanyak dua sekolah telah diamanahkan kepada UUM iaitu SK Bukit Pinang melibatkan 89 pelajar dan SK Terap (38) yang akan menduduki UPSR tahun ini.

Pelbagai perancangan telah dibuat UUM bagi program UPSR 2019 sejak Julai lalu, antaranya melibatkan program *Art Therapy* dan program motivasi termasuk Lawatan Peningkatan Diri bersempena Pesta KONVO UUM 2019 pada Oktober nanti.

Di samping itu, bagi membakar semangat dan mendorong pelajar Tahun Enam SK Bukit Pinang untuk mencapai keputusan cemerlang dalam UPSR, Naib Canselor telah menawarkan ganjaran kepada pelajar yang berjaya memperoleh keputusan 6A dalam UPSR 2019 berupa tiket penerbangan dan penginapan di Kuala Lumpur bersama ibu bapa agar mereka dapat berusaha bersungguh-sungguh.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.